

Headline	Rumah sewa dulu sempit		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	24 Nov 2016	Readership	837,000
Circulation	279,000	Page No	42
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	308 cm ²		
PR Value	RM 15,762		



'Rumah sewa dulu sempit'

Impian bapa 10 anak miliki kediaman sendiri tercapai menerusi Rumahku Syurgaku

SABAK BERNAM - "Rumah sewa dulu sempit...tak selesa, sebab anak saya ramai," kata bapa 10 anak yang menerima rumah baharu daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi projek Baiti Jannati atau Rumahku Syurgaku.

Mohammad Shahri Suradi, 56, yang bekerja sebagai pengait kelapa sawit berkata, sebelum ini, dia menyewa RM250 sebulan di Ban 1 Pasir Panjang, namun dengan purata pendapatannya hanya RM500 sebulan menyukarkannya menguruskan perbelanjaan bulanan.

"Bayangkanlah kalau separuh daripada pendapatan bulanan saya ditolak untuk bayar sewa rumah semata-mata? Macam mana nak teruskan hidup kalau dalam poket hanya tinggal RM250 sahaja sebulan," katanya.

Menurutnya, impian untuk memiliki kediaman sendiri tercapai sekaligus menceriakan dan menggembirakan seluruh ahli

keluarganya.

"Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu terutama TNB dan Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi kerana prihatin dan menyalurkan bantuan ini," katanya.

Sementara itu, Budiman yang dijumpai pada majlis penyerahan kunci rumah terabit berbakti, program itu merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB bagi menzahirkan saranan kerajaan dalam membantu golongan sasaran yang memerlukan seperti orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin.

"Penerima ini merupakan golongan asnaf yang sememangnya layak kerana pemilihannya ditentukan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS).

"Kediaman dilengkapi tiga bilik tidur dan satu bilik air yang bernilai RM45,000, ia disiapkan dalam tem-

poh sebulan.

"Projek ini adalah kali ketiga untuk tahun ini selepas di Kampung Lubuk Pusing Sabak Bernam dan di Dengkil," katanya.

Budiman yang juga Adun Sungai Panjang berkata, penyerahan kediaman itu sekali gus menunaikan sebahagian daripada janjinya selepas memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Kawasan Parlimen Sungai Besar, Jun lalu.

"Ini sebahagian daripada janji pilihan raya (PRK lalu) yang telah tertunai. Ini merupakan sebahagian kerjasama strategik antara pihak ahli parlimen dan pihak swasta dalam membantu penduduk."

"Sebelum ini, saya turut menjalin kerjasama dengan Roadcare menerusi tabung bencana alam Parlimen Sungai Besar yang memberi bantuan kewangan segera hanya dalam tempoh 24 jam kepada mangsa ribut," katanya.



Mohammad Shahri (tiga, kanan), Budiman (dua kanan) dan Pengurus Besar Bahagian Pembahagian TNB Selangor, Datuk Mohd Zahir Md Nagor (dua, kiri) pada majlis penyerahan Rumahku Syurgaku.